

Berita Harian : 27 April 2015

**Penulis ialah Dr. Muhammad Arif B. Mohd Hashim, Yang Dipertua
Gabungan Profesional dan Usahawan Bumiputera Anak Selangor (GIBS)**

TUBUH JAWATANKUASA BEBAS ELAK KETIRISAN HASIL KUTIPAN GST

Setiap kali kerajaan melaksanakan sistem atau dasar baru pasti semua orang akan tertanya-tanya dan ada yang mempertikaikannya. Namun demikian, ada yang menerimanya kerana mereka percaya setiap sistem atau dasar yang dilaksanakan sudah pasti kerajaan telah mengakaji dengan mendalam terutamanya kesan kepada rakyat.

Begitu jugalah pada awalnya kita tertanya-tanya apa itu GST (Cukai Barangan dan Perkhidmatan)). Walau pun kerajaan telah mengadakan sesi penerangan begitu lama melalui media cetak, dan elektronik, laman sosial dan penerangan terus kepada orang ramai, namun ada pihak yang masih tidak begitu faham manfaat GST.

Sistem percukaian yang dilaksanakan oleh kerajaan adalah untuk membangunkan negara. Dalam sejarah Islam, sistem percukaian mula dilaksanakan dizaman khalifah Umar Al-Khattab (633-644M) bertujuan untuk membangunkan negara Islam dari perbagai aspek. Oleh yang demikian, sistem percukaian sebenarnya sudah begitu lama dilaksanakan dan menjadi sebahagian daripada kehidupan kita.

GST adalah satu sistem cukai komprehensif yang menggantikan sistem dua cukai sebelum ini iaitu cukai jualan dan perkhidmatan atau Sales and Service Tax (SST). Kadar percukaianya adalah lebih rendah iaitu 6 peratus berbanding 10 peratus sebelum ini. SST sebelum ini tidak disedari kerana ia tidak ada dalam bil atau resit belian kita. Hingga kini, GST juga sudah diamalkan oleh lebih 100 negara termasuk tujuh negara ASEAN.

Secara perbandingan, kadar GST dinegara ini adalah lebih rendah berbanding negara ASEAN yang lain iaitu Filipina, Indonesia, Kemboja, Laos, Thailand dan Vietnam sebanyak peratus. Sementara Singapura sebanyak 7 peratus.

Hak buat keputusan

Kita sebagai pengguna perlu membeli dengan bijak kerana sebagai pengguna mempunyai pilihan dan hak untuk membuat keputusan. Sekiranya ada pengguna mengambil kesempatan meletakkan harga secara melampau atau lebih daripada yang sepatutnya dengan pelaksanaan GST, pengguna perlu membuat aduan kepada KPDNKK supaya tindakan boleh diambil. Gunakan kuasa kita sebagai pengguna.

Kerajaan perlu memperhebatkan penguatkuasaan dan pemantauan yang berterusan terhadap pelaksanaan GST bagi mengelakan kekeliruan, penipuan dan peniaga

yang mengambil kesempatan. Tindakan tegas perlu dikenakan kepada peniaga yang tidak berdaftar mengutip GST.

Pengguna sememangnya mempunyai kuasa untuk memboikot peniaga tertentu, tetapi untuk mendapatkan sokongan yang serentak bagi memulaukan peniaga, bukanlah kerja mudah. Langkah yang perlu diambil ialah dengan mengenakan hukuman yang berat dan penguatkuasaan yang tegas dan berterusan. Jangan benarkan sebarang rayuan. Bagi yang didapati bersalah, tidak ada pihak dibenarkan menggunakan budi bicara untuk meringan atau menghapuskan denda atau hukuman yang dikenakan.

Peniaga yang cuba menyelewengkan GST perlu dikenakan tindakan undang-undang dibawah Akta Kawalan dan Anti Pencatutan 2010. Secara perbandingan, kita perlu mencontohi dalam penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh Singapura. Rakyat Singapura sudah biasa dengan peraturan ketat dinegara itu, Justeru itu, mereka lebih berdisiplin dan akur kepada undang-undang.

Pantau KPI

Pelaksanaan GST mampu membawa kestabilan fiskal dalam kewangan negara dan membawa keutuhan kepada pendapatan kerajaan selain dapat memperbaiki kutipan hasil cukai dari sebahagian besar golongan yang terlepas atau sengaja melepaskan diri dari membayar cukai.

Kerajaan menganggarkan kutipan daripada GST pada tahun ini ialah sebanyak RM23.2 billion. Tetapi setelah penghapusan SST dan pengecualian beberapa barangan dan perkhidmatan GST, bakinya dianggarkan hanya RM5.6 billion. Daripada itu, RM4.9 billion akan disalurkan kepada Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) dan bakinya sebanyak RM690 juta untuk tujuan lain.

Jumlah kutipan daripada hasil GST adalah amat kecil jika dibandingkan dengan bajet 2015 iaitu sebanyak RM273.9 billion. Selain itu, Perdana Menteri telah menjanjikan pada ucapan penggulungan di Perhimpunan Agung UMNO di PWTC pada tahun 2014 bahawa hasil lebihan GST akan ditumpukan terutamanya untuk pembangunan di luar bandar.

Bagi memastikan ketelusan dan mengelakan daripada berlakunya ketirisan dalam penggunaan hasil kutipan GST, adalah penting ia digunakan bagi tujuan manfaat kepada rakyat secara berpanjangan dan bukan bersifat bantuan sementara sahaja. Satu Jawatankuasa Bebas yang memantau Petunjuk Prestasi Utama (KPI) perlu dibentuk. Jawatankuasa Bebas ini perlu memaklumkan pencapaian secara berkala kepada rakyat. Ia bagi mengelakan tohmahan yang tidak berasas pada masa akan datang

Dalam kontek pembangunan usahawan dan ikhtisas negara, lebih ramai akan mendapat manfaat melalui berbagai program dan pembangunan yang dilaksanakan

oleh kerajaan secara telus. Pelaksanaan GST akan mmemberi manfaat dan meningkatkan kebajikan rakyat .